



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEMATIAN DISYAKI  
COVID-19 DI LUAR HOSPITAL SEMASA PANDEMIK  
DAN  
GARIS PANDUAN PENGURUSAN MEMBAWA  
MAYAT DISAHKAN COVID-19 MERENTAS NEGERI  
DI MALAYSIA**

Disediakan oleh:

Kementerian Kesihatan Malaysia

2020

*(Pindaan Februari 2021)*

	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Objektif	1
3.0	Pengurusan Kematian Disyaki COVID-19	1
	3.1 Proses Kerja	1
	3.2 Carta Alir	4
4.0	Pengurusan Membawa Mayat disahkan Covid-19 Merentas Negeri di Malaysia	
	4.1 Pengenalan	6
	4.2 Proses Kerja	6
	4.3 Carta Alir	9
5.0	Peranan Agensi Terlibat	10
6.0	Perkara Lain	7
	6.1 Latihan	
7.0	Lampiran-Lampiran	11
	Lampiran 1	12
	Lampiran 2	13
	Lampiran 3A	14
	Lampiran 3B	15
	Lampiran 4	16
	Lampiran 5	17
	Rujukan	18
	Ahli Jawatankuasa	19

## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEMATIAN DISYAKI COVID-19 DI LUAR HOSPITAL SEMASA PANDEMIK**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat meliputi wargakerja Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) / Jabatan Agama Islam Daerah (JAID) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dalam mengendalikan pengurusan mayat semasa pandemik COVID-19. Garis panduan ini juga mengambil kira pandangan pakar dan ketetapan polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ia menggariskan kaedah pengurusan mayat yang meninggal di luar hospital dalam situasi pandemik.

Di Malaysia, pengurusan dan tindakan kawalan wabak COVID-19 dibahagikan kepada empat (4) fasa seperti di Lampiran 1.

### **2.0 OBJEKTIF**

Garis panduan ini digunapakai dalam situasi kematian di luar hospital pada Fasa Pembendungan Akhir (*Late Containment Phase*) semasa pandemik COVID-19.

### **3.0 PENGURUSAN KEMATIAN DISYAKI COVID- 19 FASA PEMBENDUNGAN AKHIR (*LATE CONTAINMENT*)**

#### **3.1 PROSES KERJA**


<b>BIL.</b>	<b>PROSES KERJA</b>	<b>TINDAKAN</b>
1	Menerima maklumat kematian orang awam	PDRM
2	Verifikasi maklumat mayat dan membuat persiapan untuk menyasat kematian. Pastikan <i>Personel Protective Equipment</i> (PPE) asas seperti <i>facemask</i> dan <i>gloves</i> dibawa untuk menjalankan siasatan sebelum ke lapangan.	PDRM
3	Bergerak ke lokasi kejadian (tempat kematian) dan menjalankan siasatan. Mendapatkan maklumat daripada keluarga/ orang awam/ saksi berkaitan mayat.  Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:-	PDRM

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
	(a) Maklumat asas iaitu nama, umur dan waktu kematian (b) Siasatan berkaitan unsur jenayah (c) Lain-lain maklumat yang dirasakan perlu.	
4	Sekiranya kematian disyaki ada unsur jenayah, maklum kepada pusat kawalan daerah (PDRM)	PDRM
5	Sekiranya kematian bukan unsur jenayah, perlu menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk tindakan selanjutnya.	PDRM
6	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) / Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) membuat semakan kawasan kematian dan senarai kontak rapat kes COVID-19 di Bilik Gerakan COVID-19 PKD.	PKD
7.	PPKP/PKP membuat persiapan dokumentasi dan peralatan (Lampiran 2) sebelum ke lokasi kejadian.	PKD
8.	PPKP/PKP bergerak ke lokasi kejadian untuk menjalankan siasatan lanjut.	PKD
9	Sekiranya kematian disyaki COVID-19 memenuhi mana-mana kriteria (Lampiran 3A), maklumkan Pegawai Kesihatan Daerah.  Sekiranya kematian <b>BUKAN</b> disyaki COVID-19, serahkan tindakan selanjutnya kepada PDRM.	PKD
10	Sekiranya kematian <b>DISYAKI</b> COVID-19 keluarkan <b>surat pemakluman kematian disyaki COVID-19 (Lampiran 3A)</b> dan serahkan <b>SALINAN ASAL</b> kepada PDRM.	PKD
11	PDRM akan memasukkan mayat ke dalam dua (2) lapisan beg mayat yang lengkap dilabel dan lapisan ke dua (2) paling luar disembur dengan cecair nyah-kuman ( <i>disinfectant</i> ) sambil diselia oleh PPKP.	PDRM & PKD

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
	<p>Semasa mengendalikan mayat pastikan amalan <i>standard precaution</i> dipatuhi termasuklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. kebersihan tangan sebelum dan selepas mengendalikan mayat.</li> <li>b. menggunakan PPE yang bersesuaian (Lampiran 2)</li> </ol>	
12	PPKP/Pembantu Kesihatan Awam (PKA) akan menjalankan proses dekontaminasi di lokasi kejadian.	PKD
13	PDRM memaklumkan kepada Jabatan Perubatan Forensik (JPF) mengenai kematian disyaki COVID-19 sebelum bergerak ke hospital untuk menghantar mayat ke hospital kerajaan terdekat.	PDRM
14	Bawa mayat dan serah kepada hospital bersama surat pemakluman kematian disyaki COVID-19 (Lampiran 3A) dan POL 61.	PDRM
15	Pemeriksaan mayat oleh Jabatan Perubatan Forensik (JPF) di hospital dan lengkapkan <b>borang LM 02 (Borang Daftar Kematian/ Permit Mengubur)</b> dan <b>LM 10 (borang pengesahan sebab kematian oleh pegawai perubatan)</b> .	JPF
16	<p>Bagi jenazah muslim (Rujuk Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Edisi 2020)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Jenazah Muslim di Tayamum oleh pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Jabatan Agama Islam Daerah (JAID).</li> <li>b. Solat jenazah oleh JAIN/JAID bagi muslim.</li> </ol>	JAIN/JAID
17	<p>Dokumen berikut dikeluarkan kepada APM dan waris:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>surat pemakluman kematian disyaki COVID-19 (Lampiran 3B)</b> oleh PPKP (<b>pegawai diberikuasa</b>) (Unit Kesihatan Awam, Hospital) dan</li> <li>ii. <b>borang LM 02</b> dan mayat oleh PDRM</li> </ol>	Unit Kesihatan Awam (UKA (Hospital), PDRM & APM

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
	<p>Bagi mayat bukan muslim, mayat diserahkan kepada waris si mati untuk proses pengkebumian/ kremasi. (Diselia oleh pegawai APM yang berkaitan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Proses pengawetan mayat adalah dilarang.</li> </ul>	
18	<p>Pengurusan pengkebumian oleh waris / ahli kariah dan diselia oleh APM.</p> <p>Dalam proses ini, pastikan amalan <i>standard precaution</i> dipatuhi termasuklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. kebersihan tangan sebelum dan selepas mengendalikan mayat.</li> <li>b. menggunakan PPE yang bersesuaian iaitu apron, <i>face mask</i>, <i>gloves</i> dan but getah.</li> </ol>	APM

## 3.2 CARTA ALIR



## 4.0 PENGURUSAN MEMBAWA MAYAT DISAHKAN COVID-19 MERENTAS NEGERI DI MALAYSIA

### 4.1 Pengenalan

Kematian boleh berlaku di mana-mana dan bila-bila masa sahaja. Terdapat kematian yang berlaku jauh dari tempat tinggal keluarga. Permohonan untuk membawa mayat disahkan COVID-19 merentas negeri di Malaysia kerap diperolehi oleh pihak hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah. Memandangkan COVID-19 adalah penyakit berjangkit, pengurusan membawa mayat perlu diuruskan dengan tepat agar penularan jangkitan tidak berlaku kepada pengendali mayat tersebut.

Mayat yang disahkan COVID-19 boleh dibenarkan untuk dibawa merentas negeri hanya dengan melalui **jalan darat** sahaja. Oleh itu, kebenaran ini hanya boleh dilakukan antara negeri di Semenanjung Malaysia dengan negeri lain di Semenanjung sahaja.

### 4.2 Proses kerja


BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
1	<p>Menerima maklumat dari Jabatan Forensik mengenai permohonan waris untuk membawa mayat merentas negeri.</p> <p><b>Perlu pastikan pada masa yang sama mayat telah dibalut dengan baik (ditayamum dan disembahyangkan bagi mayat orang Islam). Pastikan bungkus mayat ini tidak lagi dibuka</b></p>	Unit Kesihatan Awam (UKA) di Hospital
2	<p>Anggota UKA perlu menjalankan tindakan-tindakan berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) <i>on call</i> di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di mana mayat akan dibawa dan dikebumikan.</li> <li>Memaklumkan kepada PPKP tersebut mengenai maklumat mayat yang akan dibawa serta nombor telefon waris si mati yang mengiringi mayat.</li> <li>Menyediakan surat <i>undertaking</i> untuk diberikan kepada waris si mati (Lampiran 4). Waris perlu</li> </ol>	UKA Hospital



BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
	<p>menyerahkan surat tersebut kepada Pegawai Kesihatan Daerah di mana mayat akan dibawa dan dikebumikan.</p> <p>iv. Menyediakan surat notis penyerahan mayat kepada Pegawai Kesihatan Daerah di mana mayat akan dibawa dan dikebumikan. Surat ini boleh dihantar melalui emel atau faksimili kepada Pegawai Kesihatan Daerah berkaitan (Lampiran 5)</p>	
3.	<p>Waris dikehendaki menyediakan kenderaan untuk membawa mayat ke negeri yang dipohon</p> <p>Waris yang mengiringi perlu memaklumkan waris yang menunggu di negeri yang dituju untuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menentukan tempat pengkebumian</li> <li>ii. Memaklumkan tempat pengkebumian / <i>crematorium</i> kepada Pejabat Kesihatan Daerah di mana mayat akan dibawa dan dikebumikan.</li> <li>iii. Menentukan waris atau sukarelawan yang akan membantu dalam proses pengkebumian atau <i>crematorium</i>.</li> </ul>	Waris
4.	<p>Pemandu kenderaan yang membawa mayat perlu mendapatkan kebenaran rentas negeri dari Pejabat Polis berhampiran, jika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih dikuatkuasakan.</p> <p>Waris juga perlu membawa bersama borang LM 02 Sijil Pengkebumian atau Permit Pengkuburan/<i>crematorium</i>.</p> <p>Waris juga dari masa ke semasa dapat memaklumkan kepada PPKP yang bertugas dalam panggilan (di negeri di mana mayat akan dibawa dan dikebumikan) untuk bersedia di tanah perkuburan atau di <i>crematorium</i>.</p> <p>Kenderaan yang membawa mayat ini perlu terus ke tempat pengkebumian/perkuburan atau krematorium.</p>	Waris

<b>BIL.</b>	<b>PROSES KERJA</b>	<b>TINDAKAN</b>
5.	<p>Proses pengkebumian di tanah perkuburan atau <i>crematorium</i> di negeri yang dituju.</p> <p>Waris perlu memberikan surat '<i>undertaking</i>' kepada PPKP yang bertugas. PPKP dikehendaki menyelia proses pengkebumian/krematorium. PPKP perlu memakai PPE. Senarai PPE dan peralatan adalah seperti dalam Lampiran 2.</p>	<p>Waris / PPKP <i>on call</i></p> <p>Waris / PPKP <i>on call</i></p>
6	<p>Proses disinfeksi kenderaan membawa mayat.</p> <p>Kenderaan yang membawa mayat ini perlu dijalankan proses disinfeksi. PPKP dikehendaki menyelia proses disinfeksi ini. Peralatan yang digunakan untuk proses disinfeksi adalah seperti di Lampiran 2.</p>	<p>Pemandu / PPKP <i>on call</i></p>

## 4.3 CARTA ALIR



## 5.0 PERANAN AGENSI TERLIBAT

### 5.1 FASA PEMBENDUNGAN AKHIR - *LATE CONTAINMENT*

#### i. POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

- a. Menerima maklumat kematian dari orang awam.
- b. Menyediakan *Personel Protective Equipment* (PPE) asas (*facemask* dan *gloves*) untuk menjalankan siasatan sebelum ke lapangan
- c. Pergi ke lapangan untuk menjalankan siasatan awal.
- d. Memaklumkan PKD sekiranya mengesyaki kematian berkaitan COVID-19.
- e. Menguruskan dan menghantar mayat ke hospital di bawah seliaan PKD.
- f. Menjalankan tugas pengendalian mayat seperti biasa jika kematian didapati bukan disyaki COVID-19.

#### ii. PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD)

- a. Menerima maklumat daripada pihak PDRM.
- b. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) menjalankan siasatan lanjut di lapangan.
- c. Mengeluarkan Surat Pemakluman Kematian Disyaki COVID-19 (Lampiran 3A)
- d. Menyediakan PPE untuk pengurusan mayat di rumah dan tempat pengkebumian
- e. Menyelia pengurusan mayat oleh PDRM di tempat kejadian
  - Pemakaian PPE yang betul
  - Proses dekontaminasi di tempat kejadian dan kenderaan
- f. Memaklumkan kepada Unit Kesihatan Awam (UKA) di hospital mengenai penghantaran kes kematian disyaki COVID-19 ke hospital.

#### iii. JABATAN PERUBATAN FORENSIK HOSPITAL (JPF)

- a. Menerima mayat dan Surat Pemakluman Kematian Disyaki COVID-19.
- b. Membuat pemeriksaan mayat.
- c. Melengkapkan Borang Daftar Kematian dan Permit Mengkubur (LM02).
- d. Pengurusan mayat mengikut Garis Panduan Pengurusan Mayat COVID-19.
- e. Menyerahkan mayat kepada waris dan proses pengebumian/*cremation* diselia oleh APM

**iv. JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI/DAERAH**

- a. Memberi panduan tatacara pengendalian mayat muslim
  - Tayamum
  - Solat Jenazah
  
- b. Memberi nasihat keagamaan berkaitan pengendalian mayat Muslim dari semasa ke semasa.

**v. ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

- a. Menerima mayat yang telah disempurnakan oleh JPF.
- b. Meyelaras penghantaran mayat ke tempat pengkebumian/krematorium.
- c. Menyelia proses pengkebumian oleh waris si mati.
- d. Menyelaraskan kerja-kerja dekontaminasi.

**6.0 PERKARA-PERKARA LAIN**

**6.1 LATIHAN**

Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah berperanan untuk mengadakan latihan kepada PDRM, APM dan agensi-agensi lain. Antara latihan yang diperlukan adalah:

- a. Pengendalian mayat di tempat kejadian dan tempat pengkebumian.
- b. Pemakaian PPE (*donning and doffing*).
- c. Prosedur dekontaminasi di tempat kejadian dan kenderaan.
- d. Proses pelupusan PPE.

## **FASA TINDAKAN KAWALAN WABAK COVID-19 DI MALAYSIA**

### **Fasa 1 – Amaran (*Alert*)**

Wabak COVID-19 berlaku di luar negara di mana tindakan yang dilakukan adalah bagi menghalang atau mengurangkan kemasukan kes-kes import contohnya, melalui aktiviti saringan dan pengesanan kes di pintu-pintu masuk antarabangsa (PMA). Dalam fasa ini, gejala penyakit adalah:

- gejala yang ringan, atau
- gejala yang teruk melalui jangkitan manusia kepada manusia yang terhad

### **Fasa 2 – Pembendungan Awal (*Early Containment*)**

Telah berlaku kemasukan kes COVID-19 ke Malaysia yang memerlukan tindakan kawalan secara langsung. Dalam fasa ini, gejala penyakit adalah:

- melalui jangkitan manusia kepada manusia, tetapi
- tiada kes-kes sporadik dilaporkan
- tiada penularan dalam komuniti atau berlaku penularan yang terhad

### **Fasa 3 – Pembendungan Akhir (*Late Containment*)**

Tindakan kawalan adalah untuk menghentikan atau meminimalkan penularan secepat mungkin. Dalam fasa ini:


- telah berlaku penularan setempat
- secara umum, gejala penyakit adalah ringan tetapi gejala yang teruk dialami oleh mereka yang berisiko tinggi seperti orang tua, kanak-kanak, ibu hamil dan mereka yang berpenyakit kronik
- lebih banyak kes-kes sporadik dilaporkan
- peningkatan kematian
- tindakan pembendungan masih dilakukan

### **Fasa 4 – Mitigasi (*Mitigation*)**

Penularan berleluasa berlaku dalam komuniti. Tindakan diambil adalah bagi mengurangkan impak wabak penyakit di dalam komuniti. Dalam fasa ini:

- gejala penyakit adalah teruk
- merebak secara berleluasa
- langkah-langkah kawalan sukar dilakukan secara berkesan

Rajah 1: Matriks Fasa Tindakan Kawalan Wabak COVID-19 di Malaysia



**LAMPIRAN 2****KEPERLUAN PERALATAN UNTUK PENGURUSAN PENGKEBUMIAN MAYAT DISYAKI COVID-19 (APM & WARIS) – FASA PEMBENDUNGAN AKHIR (*LATE CONTAINMENT*)**

<b>BIL.</b>	<b>PERALATAN YANG DIPERLUKAN</b>
1	Sarung tangan getah dua (2) pasang
2	Apron plastik
3	<i>Face mask</i>
4	But getah (disyorkan tinggi lutut)
5	Pembasmi kuman 0.5% Sodium Hypochlorite (1:10)
6.	Penyembur untuk pembasmian kuman ( <i>sprayer</i> )
7.	<i>Mist blower</i> untuk pembasmian kuman
8.	Baldi



**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988  
(Seksyen 16 – Perintah Bagi Pemeriksaan Mayat)**

**Kepada :**

.....  
.....  
.....

Ruj. Kami :

Tarikh :

**Tuan/ Puan,**

**PEMAKLUMAN KES KEMATIAN DISYAKI COVID-19**

Adalah saya ....., No. Kad Kuasa: .....  
Nama pegawai diberi kuasa dan cop

dengan ini memaklumkan bahawa kematian kes ini :

MAKLUMAT KES				
Nama simati :	No. Kad Pengenalan :	Umur :	Jantina :	Bangsa :
Nama Waris :	No. Kad Pengenalan Waris :	Hubungan dengan simati :		
No. Telefon :	Alamat :			

adalah disyaki COVID-19 berdasarkan mana-mana kriteria berikut :

i) Kes berada dalam kawasan kadar insiden kes COVID-19 $\geq$ 21/100,000 populasi (kawasan merah)	Ya / Tidak
ii) Mempunyai sejarah mengunjungi negara yang terlibat COVID-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan	Ya / Tidak
iii) Mempunyai sejarah kontak dengan kes positif / disyaki COVID-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan	Ya / Tidak
iv) Mempunyai sejarah gejala COVID-19 (mana-mana gejala pernafasan seperti sesak nafas, batuk atau sakit tekak dengan/ tanpa demam)	Ya / Tidak

2. Oleh itu, pihak Tuan/Puan adalah diarahkan untuk membawa mayat untuk pemeriksaan lanjut oleh Pegawai Perubatan.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
( )

Cop Pegawai Diberi Kuasa :

## LAMPIRAN 3B

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988  
(Seksyen 17- Arahan Pengurusan Orang Mati)**

Ruj. Kami :

Tarikh :

Kepada :

.....  
 .....  
 .....

Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN KES KEMATIAN DISYAKI COVID-19 (FASA PEMBENDUNGAN AKHIR)**

Adalah saya ....., No. Kad Kuasa: .....  
Nama pegawai diberi kuasa dan cop

dengan ini memaklumkan bahawa kematian kes ini :

MAKLUMAT KES				
Nama simati :	No. Kad Pengenalan :	Umur :	Jantina :	Bangsa :
Nama Waris :	No. Kad Pengenalan Waris :	Hubungan dengan simati :		
No. Telefon :	Alamat :			

adalah disyaki COVID-19 berdasarkan pemeriksaan mayat oleh Pegawai Perubatan .....  
 ..... dari Jabatan Perubatan Forensik. Nama pegawai perubatan

2. Oleh itu, pihak Tuan/Puan diminta menyelia pengurusan mayat ini mengikut tatacara pengendalian mayat disyaki COVID-19 seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
 ( )  
 Cop Pegawai Diberi Kuasa :

**Lampiran 4**

**Contoh Surat “undertaking” untuk menyerahkan mayat atau mana-mana bahagiannya**

Rujukan.....

Tarikh.....

Kepada, Pegawai Kesihatan

.....

.....

No. Fax : .....

**SURAT ‘UNDERTAKING’ UNTUK MENYERAHKAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**

Saya.....No.K/P:.....

yang beralamat di.....adalah waris dengan ini berjanji akan menyerahkan mayat atau mana-mana bahagiannya kepada Pegawai Kesihatan Daerah.....di.....

tanpa kelewatan untuk pengurusan selanjutnya mayat atau mana-mana bahagiannya yang mana kebenaran telah diberikan kepada saya.

Yang Benar,

.....

.....

\* Catatan: Di luar waktu pejabat, Pegawai di pintu masuk perlu menghubungi Pegawai siapsiaga(Oncall) di daerah yang berkenaan.

**Lampiran 5**

**Contoh Notis Penyerahan Mayat atau mana-mana bahagiannya yang mati**

Rujukan.....

Tarikh.....

Pegawai Kesihatan

.....

.....

Kepada,

Pegawai Kesihatan Daerah

.....

.....

**NOTIS PENYERAHAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA YANG MATI DISEBABKAN OLEH PENYAKIT BERJANGKIT**

Saya dengan ini menyerahkan mayat atau mana-mana bahagiannya (nama) .....  
melalui pembawa / agen yang diketahui mati disebabkan penyakit ...  
untuk tindakan tuan selanjutnya.

a. Nama & Alamat:.....  
Pembawa/Agen

b. No.Telefon:.....

c. Tempat mayat akan dibawa:.....

Nama Pegawai Yang Diberikuasa:.....

Tandatangan:.....

Tarikh : .....

Catatan: Satu salinan akuan penerimaan dari daerah dihantar ke alamat di atas.

## RUJUKAN

1. WHO. Infection Prevention and Control for the Safe Management of a Dead Body in the context of COVID-19. Interim guidance. 24 March 2020. [https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/331538/WHO-COVID-19-IPC\\_DBMgmt-2020.1-eng.pdf?sequence=1&isAllowed=y](https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/331538/WHO-COVID-19-IPC_DBMgmt-2020.1-eng.pdf?sequence=1&isAllowed=y)
2. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia. Annex 20: Guidelines for Handling Dead Bodies of Suspected/Probable/Confirmed Covid-19 Death. Guidelines COVID-19 Management in Malaysia No. 05/2020 (Edisi ke-5).
4. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19

## **AHLI JAWATANKUASA**

### **PENAUNG**

Dato' Dr Chong Chee Kheong  
Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **PENASIHAT**

Dato' Dr. Zahari bin Noor  
Ketua Jabatan  
Jabatan Perubatan Forensik  
Hospital Pulau Pinang

Dr. Norhayati binti Rusli  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **AHLI-AHLI**

#### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

##### **Bahagian Kawalan Penyakit**

1. Dr Asiah Bin Ayob  
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
2. Dr Hj. Azmi Bin Abdul Rahim  
Ketua Sektor  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa
3. Dr Badrul Hisham Bin Abd. Samad  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan
4. Dr Salmiah Binti Baharudin  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa
5. Muhammad Izham Bin Mat Saad@Radzi  
Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa

6. Azman Bin Yaacob  
Ketua Penolong Pegawai Persekitaran  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa
7. Fatimah Binti Mat Kasim  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa
8. Tn. Hj. Khairulaizat Bin Mahdin  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan  
Sektor Peraturan Kesihatan & Kesihatan Pengembaraan Antarabangsa

**Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam**

9. Mohd Rizal Bin Rusuli  
Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Sektor Inspektorat dan Perundangan

**Bahagian Perkembangan Perubatan**

10. Dr Suriana Aisyah Binti Zainal  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
11. Dr Anis Syazlli Binti Razalli  
Ketua Penolong Pengarah  
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan

**Jabatan Kesihatan Negeri Selangor**

12. Dr. Noreen Farzana Binti Mustpha  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit

**Institut Perubatan Forensik Negara, Hospital Kuala Lumpur**

13. Dr Mohamad Azaini Bin Ibrahim  
Pengarah Institut Perubatan Forensik Negara
14. Dr Ahmad Hafizam Bin Hasmi  
Pakar Forensik

**Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan**

15. Dr. Donal Huda Binti Nasril  
Pakar Mikrobiologi

**Pejabat Penasihat Undang-Undang, KKM**

16. Nor' Amalina Binti Ismail  
Peguam Kanan Persekutuan
17. Ahmad Faiz Fitri Bin Mohamad  
Peguam Persekutuan

**POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**

18. ACP Zuhaimi Bin Zam Zam  
Penolong Pesuruhjaya Polis  
KPP D13
19. DSP Charun  
Timbalan Penguasa Polis  
Unit Forensik D10  
Jabatan Siasatan Jenayah
20. ASP Shahrizad Bin Ayob  
Penolong Penguasa Polis  
Jabatan Siasatan Jenayah
21. How Xin Ni  
Inspektor Polis  
Unit Forensik D10  
Jabatan Siasatan Jenayah

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

22. Ustaz Jamali Bin Mohd Adnan  
Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan
23. Ustaz Najmuddin Bin Abdul Karim  
Ketua Penolong Mufti Wilayah Persekutuan



**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

24. Nasrullah Bin Mohamad Nadzir  
Mejar (PA)

25. Huzaimi Bin Adnan  
Leftenan (PA)

**AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)**

26. Sapian Bin Mamat  
Penolong Pengarah Kanan